

**Garis panduan Persediaan Menerima Pemeriksaan Pelupusan
Oleh Lembaga Pemeriksa.**

1. Pihak agensi hendaklah memastikan segala maklumat sulit dan rahsia dalam peralatan yang hendak dilupuskan telah dikeluarkan.
2. Pihak agensi hendaklah menyusun peralatan di dalam barisan untuk memudahkan pemeriksaan dijalankan. Pastikan No Siri Pendaftaran dapat dilihat dengan mudah.
3. Pihak agensi hendaklah meletakkan KEWPA 16 / Daftar Harta Modal (jika ada) di atas setiap peralatan.
4. Pihak agensi hendaklah memastikan maklumat pada KEW.PA-16 sama dengan Daftar Harta Modal/peralatan tersebut.
5. Pihak agensi hendaklah memastikan maklumat pada KEW.PA-16 *tally* dengan KEW.PA-17
6. Pihak agensi hendaklah memastikan No Siri Pendaftaran pada KEW.PA-16 sama dengan No Siri Pendaftaran dalam Daftar Harta Modal (jika ada) dan juga peralatan.
7. Pihak agensi hendaklah memastikan maklumat pada KEW.PA-16 dan KEW.PA-17 adalah betul. Bagi peralatan yang terlalu lama, di sarankan agar nilai semasa adalah RM 1.00.
8. KEW.PA-16 dan KEW.PA-17 dalam bentuk *hardcopy* dan *softcopy* hendaklah disediakan dan diserahkan kepada Lembaga Pemeriksa semasa pemeriksaan di jalankan.
9. Pihak agensi hendaklah memastikan *hardcopy* disusun di dalam folder dan di tagging mengikut peralatan untuk memudahkan pemeriksaan dijalankan. Bagi peralatan yang sama tetapi harga perolehan asal berbeza, ia hendaklah diasingkan di dalam KEW.PA-17.
10. Pihak agensi hendaklah memastikan Juruteknik dan Pegawai agensi yang terlibat hadir di sepanjang pemeriksaan dijalankan.

Disediakan oleh Seksyen Teknikal Dan Keselamatan.